

14/11/1997

PM tidak anti-Yahudi

Ali Mamat

MALAYSIA belum mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel bukan kerana ia sebuah negara Yahudi, tetapi semata-mata atas hakikat ia sebuah rejim yang gagal menghormati prinsip hak asasi manusia, menidakkan hak rakyat Palestin kembali berkuasa di tanah air sendiri dan terus mengamalkan dasar kekerasan dan perluasan wilayah.

Sebenarnya, rakyat Malaysia tidak membenci Israel semata-mata kerana ia sebuah negara didiami suatu bangsa bernama Yahudi. Yang tidak diterima ialah pendukung kuasanya, iaitu puak Zionis yang mengetepikan segala peradaban dan tatacara kenegaraan dengan sanggup menghalalkan cara demi mencapai matlamat.

Zionisme dibenci kerana ia berteraskan ideologi hegemoni sempit, yang menolak budaya hidup bersama dengan jiran dan masyarakat sejagat, melainkan jika orang lain sanggup menjadi kuda tunggangannya.

Zionisme mempunyai ideologi yang hampir sama dengan Nazi di Jerman era Hitler. Sementara itu, bagi penduduk Islam Malaysia khususnya, kaum Yahudi dikenali sebagai penganut satu agama ahlul kitab yang tidak semestinya Zionis.

Inilah pendirian pemimpin dan rakyat Malaysia yang sengaja disalahtafsirkan oleh masyarakat Yahudi dan sekutunya. Bagi Malaysia, Yahudi dan Zionisme adalah dua entiti berbeza.

Mungkin atas sebab kejahilan itulah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menjadi sasaran serangan habis-habisan bangsa Yahudi dan negara Barat yang menjadi penaja utama kelahiran negara Israel pada 1948.

Dr Mahathir dituduh anti-Yahudi dan anti-Semitik apabila beliau melahirkan rasa syak yang krisis ekonomi melanda Malaysia didalangi orang Yahudi, dengan cara serangan spekulatif ke atas mata wang negara sehingga nilai ringgit merosot dibandingkan dolar Amerika.

Rasa syak Dr Mahathir itu berasaskan hakikat salah seorang spekulator penyangak yang dikenal pasti ialah jutawan Amerika berketurunan Yahudi George Soros.

"Kita tidak ingin kata ini satu komplot Yahudi, tetapi hakikatnya mereka yang terbabit (dalam serangan spekulasi ke atas mata wang) itu terdiri daripada orang Yahudi," Dr Mahathir dipetik sebagai berkata ketika berucap pada satu perhimpunan di Terengganu.

Selain Amerika Syarikat, kenyataan itu turut membangkitkan kemarahan masyarakat, pertubuhan dan syarikat gergasi yang diterajui Yahudi di seluruh dunia. Amerika secara lantang mengherdik Dr Mahathir agar tidak menghubungkan kait krisis ekonomi itu dengan bangsa Yahudi atau mana-mana kumpulan etnik.

Penjelasan Dr Mahathir selepas itu beliau bukan anti-Yahudi tidak dihiraukan lagi.

Seorang pensyarah sains politik di sebuah universiti tempatan mendakwa kemarahan golongan itu lebih banyak didorongi oleh prejudis terhadap Dr Mahathir yang terkenal sebagai seorang pemimpin yang lantang membela hak dan menegak kebenaran.

"Dr Mahathir tidak sama sekali anti-Yahudi. Rekod yang ada menjelaskan segala-galanya," ujar beliau.

Menurutnya, masyarakat Yahudi lupa bahawa ada di antara tindakan Dr Mahathir yang menyebabkan beliau sendiri tidak popular di kalangan segelintir rakyat Malaysia kerana mereka melihat beliau sebagai pro-

Israel.

Umpamanya, Mac lalu, Dr Mahathir menjadi sasaran cemuhan oleh sekumpulan rakyat yang mengadakan demonstrasi membantah kedatangan pasukan kriket Israel ke Kuala Lumpur untuk menyertai kejohanan Trofi Persatuan Kriket Antarabangsa (ICC).

Sebagai pemimpin yang berpandangan jauh, Dr Mahathir menjelaskan, kebenaran yang diberi kepada pasukan itu adalah "satu peluang bagi kita membuktikan bahawa orang Islam di Malaysia mampu menjadi contoh dan tanggapan Barat terhadap kita, sebagai suatu umat yang mempunyai imej yang hodoh, adalah tidak benar.

Pensyarah berkenaan seterusnya berkata, tuduhan kononnya Dr Mahathir dan rakyat Malaysia bersikap anti-Semitik sekali lagi membuktikan kejahilan pihak yang menuduh.

"Semitik adalah satu rumpun bangsa di Timur Tengah yang mengasaskan agama wahyu yang utama dunia iaitu Yahudi, Kristian dan Islam. Adakah ini bermakna Dr Mahathir antipengasas Islam (Nabi Muhammad) dan Kristian (Nabi Isa). Adakah ia juga bermakna Dr Mahathir anti-Nabi Daud yang menerima wahyu tentang ajaran agama Yahudi menerusi kitab Taurat?" katanya.

Seorang tokoh korporat pula mengajak masyarakat Yahudi mengimbas kembali pendirian Malaysia berhubung kontroversi lawatan adinda Yang di-Pertuan Agong sendiri iaitu Tunku Abdullah Tuanku Abdul Rahman ke Israel pada Jun 1994, dalam kapasitinya sebagai seorang ahli perniagaan.

Walaupun Dr Mahathir menerima tekanan hebat daripada golongan tertentu, tindakan drastik tidak diambil ke atas Tunku Abdullah yang juga Pengerusi Melewar Corporation.

"Jika Dr Mahathir benar-benar anti-Israel, sudah tentu tindakan keras diambil ke atas Tunku Abdullah kerana lawatan ke negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia itu ditegah sama sekali oleh undang-undang," ujar usahawan itu yang menceburi diri di bidang eksport dan import komoditi.

Menurut beliau, dasar Malaysia membenarkan hubungan perdagangan antara rakyat sesama rakyat yang sedang dimanfaat sepenuhnya oleh golongan peniaga kedua-dua negara itu jelas membuktikan Dr Mahathir khususnya dan rakyat Malaysia amnya tidak bersikap anti-Yahudi.

Kerajaan Malaysia mula memberi kebenaran itu awal tahun lalu selepas melihat perubahan positif dalam pentadbiran kerajaan Israel ketika itu terhadap usaha mencari perdamaian berkekalan di Asia Barat, khususnya dengan rakyat Palestin.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagaimanapun pernah berkata, kebenaran itu akan dikaji semula jika Israel di bawah Perdana Menteri (Benjamin Netanyahu) enggan meneruskan usaha perdamaian itu.

Kementerian Luar Malaysia juga pernah menegaskan hubungan diplomatik dengan Israel hanya boleh ditimbang jika perdamaian komprehensif antara negara Yahudi itu dengan Pihak Berkuasa Palestin dan negara Arab yang berjiran dengannya seperti Syria tercapai.

Begitupun, ia tidak bermakna pemimpin dan rakyat Malaysia mesti menyimpan kebencian kepada orang Yahudi sementara menunggu wujudnya perdamaian.

Sebagai rakyat yang mendiami sebuah negara berbilang bangsa dan agama, pemimpin dan umat Islam di Malaysia tidak pernah diasuh membenci atau memusuhi bangsa atau agama lain, termasuk Yahudi.

Pemimpin dan umat Islam di Malaysia terkenal sebagai golongan yang tinggi tahap toleransinya. Walaupun Islam agama rasmi Malaysia, anutan dan amalan agama lain tetap terjamin kebebasannya.

Seperti rakyat Malaysia yang lain, Dr Mahathir berpegang teguh kepada prinsip utama Islam ialah kesamarataan di kalangan manusia, tanpa mengira bangsa, warna, jantina atau agama. Islam ialah suatu agama yang memberi

penekanan kepada aspek toleransi, keadilan dan keluhuran undang-undang.

Mungkin tidak ada tempat di muka bumi ini selain di Malaysia yang masjid, gereja dan kuil boleh ditemui selang beberapa bangunan, walaupun tidak sebelah-menyebelah, membarisi sebatang jalan raya yang sama.

Pengarah Bahagian Hal Ehwal Khas Jabatan Penerangan, Fadzil Hanafi berkata, dalam keseluruhan al-Quran tidak ada satu ayat pun yang menyeru orang Islam memusuhi orang bukan Islam.

Malah, katanya, satu hadis sahih riwayat Bukhari dan Muslim menceritakan:

"Pada satu ketika lalu satu jenazah di depan Nabi, Nabi berhenti menghormati jenazah itu, sahabat bertanya kepada Nabi, wahai Rasulullah, kenapa menghormati jenazah itu sedangkan ia adalah jenazah Yahudi. Nabi memberitahu, wahai sahabatku, memang sesungguhnya aku mengetahui jenazah itu jenazah Yahudi tetapi dia adalah manusia."

Seorang pensyarah Fakulti Usuluddin sebuah lagi universiti tempatan berkata, yang tidak disenangi rakyat Malaysia terhadap Israel ialah corak politik dan pemerintahan rejim Zionis itu, bukan agama Yahudi yang dianuti rakyatnya.

Pemimpin dan rakyat Malaysia bercakap dalam satu nada apabila membicarakan mengenai penindasan, perampasan hak, penghinaan dan kekejaman yang dilakukan oleh rejim Zionis ke atas umat Islam rakyat Palestin kerana Islam menilai manusia daripada sudut kebaikan tindak-tanduk dan amalannya, bukan jantina, warna, keturunan dan agamanya.

Atas dasar itulah Dr Mahathir tidak berganjak daripada pendiriannya mengenai sokongan Malaysia terhadap perjuangan Palestin berasaskan hak mutlak bangsa itu untuk mewujudkan sebuah negara yang berdaulat dan bernaung di bumi milik mereka. Ini soal hak asasi manusia, bukan soal membenci Yahudi atau sesiapa.

(END)